

250 pelajar PPST UMS jayakan program Kibarkan Jalur Gemilang

UB 14.9.2017 A6


KOTAKINABALU:Seramai 250 pelajar Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyemarakkan lagi sambutan Hari Malaysia melalui program Kibarkan Jalur Gemilang pada Isnin.

Bertemakan 'PPST Sehati Sejiwa', program yang diadakan di dataran PPST itu turut dijayakan seluruh warga kakitangannya.


Pengarah PPST Prof

Madya Dr Sazmal Effendi Arshad berkata, sebanyak 100 Jalur Gemilang yang disumbangkan Biro Tata Negara (BTN) Cawangan Sabah diedarkan kepada pelajar Asasi Sains sempena program itu sebagai usaha menyemarakkan semangat sehati sejiwa sekali gus menghayati erti bangsa merdeka.

Salah seorang pelajar PPST, Syazreen Farlina Sharuddin



GAMBAR kenangan pengarah PPST bersama peserta.



ketika ditemui menyatakan rasa bangga dapat bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang pada program berkenaan.

"Sebagai anak Malaysia, kita patut berterima kasih kepada para pemimpin negara yang berjuang untuk kemerdekaan sehingga kita pada masa kini dapat

menikmati keharmonian dan kemakmuran di negara ini.

"Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada PPST UMS kerana menganjurkan program yang amat bermanfaat khususnya dalam meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda seperti saya," katanya.

Turut hadir pada program itu ialah Timbalan Pengarah PPST Prof Madya Dr Wardatul Akmal Din.

ANTARA pelajar yang turut menjayakan program itu.